


Untuk Edaran Segera [03/04/2020]



PENYERAHAN PERALATAN PERUBATAN KEPADA HOSPITAL UNTUK MENANGANI WABAK COVID19

KUALA LUMPUR; April 03, 2020 - IMARET (IMAM Response & Relief Team) telah membuat penyerahan peralatan perubatan penting iaitu ventilator, mesin ‘ultrasound’ mudah alih dan peralatan perlindungan peribadi (P.P.Es) kepada Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) pada hari ini. Hospital-hospital lain yang juga merawat kes-kes COVID akan turut menerima peralatan-peralatan tersebut daripada IMARET termasuk peralatan lain seperti Isopod, pam infusi dalam beberapa hari yang akan datang. Pasukan IMARET telah bekerja keras dalam menilai keperluan dari hospital serta klinik-klinik kesihatan dan mengedarkan barangan yang diminta dengan sewajarnya kepada hampir kesemua negeri di dalam negara. Ini termasuk

kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai 'zon merah' berikutan catatan kes yang tinggi iaitu Simpang Renggam, Hulu Langat dan Lembah Pantai. Keutamaan kami adalah mendapatkan peralatan perubatan dan umum untuk membolehkan hospital serta klinik kesihatan dapat berfungsi dengan baik untuk tujuan penyaringan, pemeriksaan dan perawatan kes-kes Covid19 termasuk yang kritikal di unit rawatan rapi.



Penyerahan mesin 'ultrasound', pam infuse serta PPE di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) turut hadir Dr Norazmi (pengarah hospital), Dr Zainal (ketua perkhidmatan kecemasan negeri Pahang), Dr Amanda, Dr Izzad dan Dr Syafiz (IMARET Exco)



Penyerahan ventilator, mesin 'ultrasound' mudah alih dan PPEs di Hospital Raja Perempuan Zainab II, turut hadir Dr Najib (pakar perubatan kecemasan) dan Dr Tuan Zamani (IMARET Exco)



Penyerahan mesin 'ultrasound' mudah alih di Hospital Universiti Sains Malaysia, turut hadir Dr Shaikh Farid (ketua jabatan kecemasan), Dr Hashairi (pakar perubatan kecemasan) dan Dr Tuan Zamani (IMARET Exco)

Selain pengedaran peralatan perubatan dan am kepada kemudahan kesihatan, IMARET melalui kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menghantar sukarelawan ke pelbagai pusat pemeriksaan untuk membantu proses penyaringan Covid19 dalam meringankan beban yang dihadapi oleh KKM. Usaha penting lain yang kami lakukan ialah pengedaran #PekPrihatinIMARET yang terdiri daripada bakul makanan kering dan kit kebersihan untuk komuniti B40 dan pelarian yang terjejas oleh arahan kuarantin dan perintah sekatan pergerakan. Ini dapat dilaksanakan dengan bantuan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling yang menyediakan senarai penerima, dan rangkaian rapat kami dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR).

Dengan semangat #DemiNegara serta memegang kukuh prinsipal bahawa hanya melalui perpaduan kita akan mampu melawan # COVID19 bersama, IMARET telah bekerjasama dengan pelbagai pihak, NGO, syarikat dan organisasi: - The Edge, Mr DIY, FashionValet, Malaysian Official Designers Association (MODA), Restoran Copper, MedTweetMy, MyCare, Muslim Volunteer Malaysia (MVM), MDEC, Klinik As-Salam dan Rumah Pengasih dalam memperkasakan usaha pengumpulan dana, pembelian dan produksi Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE), serta penyediaan makanan untuk 'frontliner' perubatan.

Sambutan daripada orang ramai adalah benar-benar luar biasa; sehingga 31 Mac 2020, hampir RM 2.5 juta telah dijana melalui sumbangan melalui pelbagai medan (dilampirkan di bawah). Melalui dana yang diperoleh, sejumlah RM1.6 juta telah dibelanjakan untuk membeli dan mengedar peralatan dan kelengkapan perubatan penting termasuk lebih daripada 50,000 unit pelbagai PPE (terdiri daripada sarung kepala, topeng muka, topeng N95, perisai muka, baju pelindung / gaun, sarung kasut dan sarung tangan), mesin ‘ultrasound’ mudah alih, ventilator, monitor, pam infusi serta lebih 500 unit pelbagai peralatan klinikal dan 4000 unit bekalan kebersihan, dan lain-lain lagi. Cabaran terbesar kami adalah mengatasi kekurangan bekalan peralatan ini serta harga yang mahal dari pengedar dan pembekal berpunca dari isu pandemik global.

Pihak IMARET ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak - orang awam yang menderma, syarikat-syarikat, NGO-NGO, media serta selebriti dan *influencer* media sosial yang telah menunjukkan sikap dermawan melalui sumbangan wang dan juga dari segi menjana publisiti untuk pengumpulan dana serta usaha dalam meningkatkan kesedaran untuk menyokong ‘frontliner’ perubatan di dalam situasi yang sangat getir ini.

Kami berharap sokongan kepada IMARET dan kolaborator kami akan berterusan dalam usaha kami untuk memerangi Covid19 untuk keselamatan negara kita #DemiNegara.

IMARET (IMAM Response & Relief Team) adalah sebuah pasukan dibawah payungan Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM) yang memberikan bantuan kemanusiaan, serta program jangkauan kepada masyarakat terpinggir di dalam dan luar negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai IMARET dan usaha kemanusiaan kami:

Laman web: <http://bit.ly/IMARETCovid>

FB: <https://www.facebook.com/imamresponseandrelief>

IG: imaret_my

Untuk menyumbang:

Persatuan Perubatan Islam Malaysia

CIMB: 8600 703 709

Reference: Covid19

Kindly email: finance.imamalaysia@gmail.com or contact 013-9861898 for any enquiries

Covid19 Platform Pengumpulan Dana bersama kolaborator:

FV Support Fund (Simplygiving) : <https://www.simplygiving.com/fv-covid19-support-fund>

FV Support Fund (KitaFund): <https://kitafund.com/7541-fv-for-covid19-support-fund>

MODA PPEs for frontliners: <https://kitafund.com/7686-more-ppe-suits-needed-for-our-hero>

MDEC 'CROWDFUNDING' #DIGITALVSCOVID:

Global Sadaqah: <https://www.globalsadaqah.com/campaign/mdec-covid19>

Simplygiving: <https://bit.ly/3dSOfqv>

PitchIN: <https://reward.pitchin.my/explore>

